<table>
<tr><th colspan="3">NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud sunnatullah :<br><br>Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk / dan tiada siapa yang boleh menghalang / mengubah ketetapan tersebut.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kesan memahami sunnatullah :<br><br>• Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan Allah SWT.<br>• Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan.<br>• Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif.<br>• Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan.<br>• Membentuk jati diri yang tinggi.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Pengajaran daripada ayat di atas :<br><br>• Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia bersesuaian / dengan peraturan dan kepentingannya.<br>• Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi / supaya dapat mengetahui sunnatullah.<br>• Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu / agar menjadi pedoman dalam kehidupan.</td><td>2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud Mad Silah :<br><br>Mad yang terdapat selepas ha’ dhamir yang berbaris bawah / atau berbaris di hadapan.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Hukum tajwid dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris di bawah ialah :<br><br>Hukum : Mad Silah Qasirah<br>Cara bacaan : dibaca panjang 2 harakat</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Bidang pelaksanaan Fiqh al Aulawiyat :<br><br>• Ilmu dan pemikiran<br>• Amalan<br>• Tuntutan syarak</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | (ii) | Prinsip am dalam dalam bidang pelaksanaan *Fiqh al- Aulawiyat* ialah :<br><br>• Mengutamakan usaha untuk menuntut ilmu dan memahaminya berbanding dengan melaksanakan sesuatu amalan.<br>• Mengutamakan amalan yang banyak manfaat berbanding amalan yang kurang manfaat.<br>• Mengutamakan perkara yang pokok berbanding perkara yang cabang. | 1 x 2m = 2m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran:<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja — 1m<br>Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas — 2m<br>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi — 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik — 4m<br><br>Cadangan isi :<br>• Tindakan manusia terkawal dan sistematik.<br>• Membuahkan hasil kerja yang berkualiti<br>• Mengamalkan semua tuntutan Islam mengikut susunan yang tepat | [4 markah ] |
| 2 | (a) | (i) | Maksud berdikari :<br><br>Berusaha sendiri / dan tidak bergantung pada bantuan orang lain | 2 x1m = 2m |
| | | (ii) | Konsep berdikari :<br>• Menggunakan potensi diri yang dikurniakan Allah SWT<br>• Membebaskan diri daripada bergantung kepada pihak lain<br>• Menyakini kemampuan diri<br>• Berazam tingkatkan kualiti diri<br>• Berusaha bersungguh-sungguh menyara kehidupan | 2 x1m = 2m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Hikmah berdikari :<br><ul><li>Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha.</li><li>Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal</li><li>Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran</li><li>Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf kehidupan.</li></ul></td><td>2 x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<ul><li>Supaya tidak mengharapkan bantuan orang lain semata-mata.</li><li>Supaya hasil kerja yang diperolehi diyakini halal dan diredhai Allah SWT.</li><li>Supaya tidak dipandang hina oleh masyarakat.</li></ul></td><td>[4 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Golongan tersebut :<br><ul><li>Pemimpin yang adil.</li><li>Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT.</li><li>Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.</li><li>Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.</li><li>Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.</li><li>Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.</li><li>Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata.</li></ul></td><td>2 x 1m : 2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Contoh seseorang yang menyembunyikan sedekahnya :<br>• Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian (online banking)<br>• Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid<br><br>Contoh seseorang mencintai masjid :<br>• Menunaikan solat fardu berjemaah di masjid.<br>• Menyertai aktiviti di masjid (majlis ilmu atau program kemasyarakatan.) | 4 x1m = 4m |
| | | (iii) | Pengajaran hadis :<br>• Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan / kerana sikap tersebut suruhan Allah SWT.<br>• Kita hendaklah berusaha mengimarahkan masjid / agar syiar Islam dapat ditegakkan.<br>• Kita hendaklah memanfaatkan usia muda / dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT.<br>• Kita hendaklah saling mengasihi / supaya masyarakat hidup aman dan damai.<br>• Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat / agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT.<br>• Kita hendaklah berusaha memperbanyakkan sedekah / kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa<br>• Kita hendaklah melazimi amalan *zikrullah* / agar jiwa kita tenang. | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| 3 | (a) | (i) | Maksud *al-Muntaqim* ialah :<br><br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas. | 2 x1m = 2m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim :<ul><li>Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka / terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.</li><li>Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan / iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka / kerana menolak dakwah Rasulullah SAW.</li><li>Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya / setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.</li></ul></td><td>2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Akibat sikap takabur.<ul><li>Dimurkai Allah SWT.</li><li>Dipulau rakan.</li><li>Memutuskan silaturrahim.</li><li>Menggugat perpaduan.</li></ul></td><td>4 x1m= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Nama lain Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah :<ul><li>Al Salaf al Soleh.</li><li>Al Siwad al A'zom.</li><li>Al Asya'iroh.</li><li>Al Maturidiyah.</li><li>Ahlul Hadis.</li></ul></td><td>2 x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Rubrik penskoran:<table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan isi :<ul><li>Imannya masih ada.</li><li>Fasik jika tidak bertaubat.</li><li>Fasik kerana melakukan dosa besar.</li></ul></td><td>[4 markah]</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah :<br><br>• Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan.<br>• Memelihara kecian agama Islam.<br>• Menjamin keamanan negara.<br>• Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat.<br>• Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan.<br>• Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau. | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| 4 | (a) | (i) | Maksud sembelihan dalam Islam ialah :<br>menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya /<br>dengan cara memutuskan urat halkum dan urat mari' | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | Syarat sah bagi penyembelih.ialah :<br><br>• Beragama Islam atau ahli kitab<br>• Melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT | 2 x 1m = 2m |
| | | (iii) | Rukun sembelihan ialah :<br><br>• Penyembelih<br>• Binatang sembelihan<br>• Alat sembelih | 2 x 1m = 2m |
| | | (iv) | Hikmah sembelihan ialah dari sudut sains:<br><br>• Dapat menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana bakteria keluar bersama darah binatang.<br>• Mempercepat proses kematian binatang yang disembelih supaya daging tidak cepat busuk | 2 x 2m = 4m |
| | 4(b) | (i) | Hukum perkahwinan berikut ialah :<br>• Wajib : bimbang akan terjerumus ke dalam kemaksiatan.<br>• Haram : bertujuan untuk menzalimi pasangan. | 2 x 1m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Adab mengadakan *walimatul urus* ialah :<br><br>• Tuan rumah tidak mengkhususkan jemputan kepada orang kaya sahaja<br>• Memenuhi jemputan ada hari pertama sahaja sekiranya majlis tersebut lebih daripada sehari<br>• Undangan tersebut untuk melahirkan kasih sayang dan merapatkan hubungan.<br>• Orang yang mengundang bukan seorang yang zalim atau diketahui memiliki harta yang haram<br>• Tidak terdapat perkara mungkar seperti minum arak serta pergaulan bebas lelaki dan perempuan. | 2 x 1m = 2m |
| | | (iii) | kewajipan suami terhadap isteri untuk mengelakkan pengabaian dalam rumahtangga :<br><br>• Sediakan keperluan asas mengikut kemampuan suami<br>• Memberikan kasih sayang bagi memenuhi keperluan isteri.<br>• Memberikan layanan yang baik seperti tutur kata yang baik kepada isteri.<br>• Memberikan pengetahuan dan didikan agama secukupnya kepada isteri.<br>• Menyelesaikan mahar yang belum dijelaskan. | 2 x 1m = 2m |
| | | (iv) | Rubrik penskoran: (see table below)<br><br>Cadangan isi :<br><br>• Wajar sekiranya suami mengalami masalah kesihatan.<br>• Tidak wajar sekiranya suami malas bekerja / mengambil kesempatan | [4 markah] |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas | 2m |
| Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | (i) | Dua orang khalifah Bani Umaiyah yang terkenal selain Muawiyah bin Abi Sufyan<br>• Abdul Malik bin Marwan.<br>• Al-Walid bin Abdul Malik.<br>• Umar bin Abdul Aziz | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua sumbangan Khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan.<br>• Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal.<br>• Mewujudkan perkhidmatan pos berkuda (Dewan Al-Barid)<br>• Memperkenalkan cap mohor rasmi Kerajaan Umaiyah (Diwan Al Khatim)<br>• Menubuhkan jabatan setiausaha (Dewan al-Rasail), jabatan cukai dan Jabatan urusan awam<br>• Memperkasakan armada laut | 2 x 1m = 2m |
| | | (iii) | Dua faktor kegemilangan Bani Umaiyyah dari sudut pendidikan :<br>• Pengurusan baitulmal yang cekap / sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan.<br>• Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian dan perdagangan / untuk membangunkan negara. | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (b) | | Dua sifat peribadi beliau<br>• Menghormati para ulama.<br>• Berani mempertahankan agama<br>• Prihatin terhadap kebajikan rakyat. | 2 x 1m = 2m |
| | (c) | (i) | Maksud *Khauf* :<br>Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT/ dengan menjauhi segala larangan-Nya. | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua cara untuk mendapatkan *Khauf :*<br>• Bergaul dengan ulama dan para solihin<br>• Sentiasa mengambil iktibar daripada kisah kaum terdahulu<br>• Sentiasa bertaubat sentiasa mengingati mati | 2 x 1m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Hikmah mengamalkan *Khauf dan Raja'* dalam kehidupan :<br><br>• Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT / dalam setiap keadaan.<br>• Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan / kerana yakin Allah SWT melihat dan menilai setiap perbuatannya.<br>• Mendidik jiwa insan / agar sentiasa menjauhi larangan Allah SWT kerana takut akan kemurkaan-Nya.<br>• Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan / supaya mendapat kemanisan iman .<br>• Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah SWT/ setelah berusaha bersungguh- sungguh. | 2 x 1m = 2m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | | (iv) | (see rubric and suggestions below) | [ 4 markah] |

| **Kriteria** | **Skor** |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas | 2m |
| Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik | 4m |

Cadangan isi :

- Murid takut melakukan dosa dan sentiasa bertaubat.
- Murid akan sentiasa beribadah dan memperelokkan ibadah mereka.
- Murid sentiasa menjauhi maksiat dan mempertingkatkan ibadah.
- Murid sentiasa mengingati Allah SWT.
- Murid bertawakal kepada Allah SWT setelah berusaha berungguh-sungguh.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**